

19 SEP 1997

LEAD Mahathir-Darurat

SARAWAK DIISYTIHAR DARURAT JEREBU

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengisytiharkan keadaan Darurat Jerebu bagi seluruh negeri Sarawak apabila Indeks Pencemaran Udara (IPU) di negeri itu mencecah 600, jauh melebihi paras berbahaya 301 hingga 500.

Dr Mahathir selaku Pengarah Gerakan Negara dalam surat pengisytiharannya menjelaskan bahawa keadaan darurat itu akan berkuatkuasa sehingga ia ditarik balik.

Pengisytiharan Darurat Jerebu itu diumumkan oleh Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bantuan dan Bencana Negara, pada persidangan akhbar di Bilik Gerakan Negara, Jabatan Perdana Menteri, di sini pukul 10.43 pagi.

Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang juga Pengarah Gerakan Negeri menghebahkan pengisytiharan Darurat Jerebu itu kepada seluruh rakyat di Sarawak melalui siaran radio RTM Kuching.

Pengisytiharan Darurat Jerebu bagaimanapun tidak melibatkan penguatkuasaan Perintah Berkurung, menurut surat pengisytiharan yang ditandatangani Perdana Menteri yang salinannya diedarkan kepada media massa.

Ia juga tidak melibatkan perubahan dalam corak dan sistem pemerintahan kerajaan negeri.

Paras IPU di Sarawak malam tadi melebihi 400, memaksa kerajaan menutup semua sekolah di negeri itu hari ini. Keadaan menjadi bertambah buruk pagi ini apabila paras IPU mencatat 625 pada pukul 9 pagi dan 635 sejam kemudian, lima kali ganda catatan 136 pagi semalam.

Menurut pengisytiharan itu, walaupun perintah berkurung tidak dikenakan, Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera diarah mengatur dan mengambil langkah-langkah perlu bagi menjamin keberterusan keamanan dan keselamatan negeri Sarawak.

Dengan pengisytiharan itu, Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri Sarawak diberi kuasa mengarah penutupan semua pejabat kerajaan dan swasta, kecuali perkhidmatan perlu seperti hospital dan kedai bekalan makanan.

Semua sekolah ditutup manakala operasi kilang, ladang, kerja pembinaan dan kuari hendaklah diberhentikan.

Seluruh negara diselubungi jerebu sejak sebulan lepas akibat kebakaran ratusan ribu hektar hutan yang tidak terkawal di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia, yang sedang menghadapi kemarau panjang.

Keadaan bertambah buruk sejak hujung minggu lalu dengan catatan IPU di beberapa negeri, terutama Sarawak, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan (kawasan Nilai) menjangkau paras berbahaya 301 - 500.

Rakyat mula menggunakan topeng perlindungan udara untuk mengurangkan sedutan udara tercemar sementara Jemaah Menteri merumuskan satu pelan tindakan yang antara lain menggembelngkan polis dan tentera untuk bertindak terhadap sebarang pembakaran terbuka yang boleh memburukkan keadaan.

Mohamed menegaskan bahawa Darurat Jerebu diisytiharkan demi menjaga kesihatan rakyat di kawasan terbabat dan untuk mengelakkan kemalangan akibat daripada jerebu.

Beliau tidak mahu rakyat menyalah tafsir perintah darurat itu sehingga timbul pula kebimbangan-kebimbangan yang tidak perlu.

Mohamed berkata, melalui keputusan ini, kerajaan mahu rakyat di negeri Sarawak berada dalam rumah dan tidak keluar kecuali bila benar-benar perlu

sahaja.

Jika perlu keluar rumah pula, mereka dinasihatkan memakai penutup hidung sebagai langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan kesan jerebu, katanya lagi.

"Kita nak mewujudkan satu keadaan yang mana rakyat akan lebih selamat," katanya.

Mohamed turut meminta semua pihak supaya mengelak daripada menuding jari dan menyalahkan sesiapa kerana masalah jerebu sekarang, sebaliknya mahukan mereka menumpukan perhatian kepada usaha membantu menyelesaikan masalah itu.

"Yang penting sekarang ialah, cara mana kita nak bantu memadamkan kebakaran hutan (di Indonesia), inilah masa kita menunjukkan semangat Asean dalam membantu Indonesia," katanya selain mengingatkan parti-parti politik tidak mempolitikkan isu jerebu itu.

Kerajaan berharap masalah jerebu ini dapat diatasi segera kerana tidak mahu keadaan darurat ini diperluaskan ke seluruh negara.

"Tidak mudah bagi kerajaan nak isytiharkan darurat ini kerana ia menyentuh soal kehidupan rakyat dan keadaan ekonomi negara," katanya.

Mohamed berkata, kerajaan sedang meminta negara-negara sahabat dalam Asean khususnya Singapura selain berhubung dengan Perancis dan Jepun untuk membantu Indonesia memadamkan kebakaran hutan kerana kejadian itu kini telah menjadi satu malapetaka.

Beliau akan menghubungi pihak Indonesia untuk memaklumkan mengenai bantuan yang akan ditawarkan termasuk menghantar pasukan Bomba Dan Penyelamat membantu usaha memadamkan kebakaran dan penggunaan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bagi mewujudkan hujan tiruan melalui pembenihan awan.

Beliau akan turut meminta kebenaran daripada kerajaan Indonesia untuk membolehkan pihak-pihak yang terlibat memasuki kawasan Indonesia khususnya di Kalimantan bagi membantu memadamkan kebakaran di situ dan berharap pihak Indonesia akan menerima bantuan yang ditawarkan itu.

Mohamed turut merayu pemilik pam air mudah alih di negara ini supaya menghadihkan atau menjual alat itu kepada kerajaan untuk dikirimkan ke Indonesia bagi membantu usaha memadamkan kebakaran itu.

Mereka boleh menghubungi mana-mana balai bomba untuk menghantar alat-alat itu.

Tentera Udara Diraja Malaysia telah membuat persiapan menggunakan pesawat-pesawatnya dalam usaha mewujudkan hujan tiruan melalui pembenihan awan di negara ini sebagai langkah mengurangkan jerebu.

Di peringkat negeri pula, usaha termasuk mengadakan solat di masjid-masjid untuk memohon keadaan cuaca dipulihkan manakala penganut agama lain seperti Hindu dan Kristian turut menjalankan upacara khas mengikut kepercayaan masing-masing untuk tujuan yang sama. -- BERNAMA

AFY MAI